

06 AUG 2003

KEJOHANAN BADMINTON PIALA PERDANA BERMULA HARI INI

MELAKA, 6 Ogos (Bernama) -- Kejohanan Badminton Piala Perdana ke-18 yang disertai oleh 12 kontingen negeri-negeri bermula hari ini di Stadium Mini Bestari, Ayer Keroh di sini.

Ketua Menteri Datuk Seri Mohd Ali Rustam merasmikan kejohanan yang dijadualkan berlangsung selama empat hari.

Turut hadir ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali selaku Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti).

Sebanyak 154 peserta menyertai kejohanan dengan pasukan Sabah sebagai kontingen pilihan untuk mengekalkan kejuaraan yang dimenangi sejak 1998.

Dr Siti Hasmah ketika ditemui pemberita berkata Bakti mempunyai misi untuk merebut Piala Perdana dari Sabah.

Bakti memenangi kejohanan itu pada 1988, 1989 dan 1992.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menutup kejohanan itu pada sebelah petang, Sabtu ini.

-- BERNAMA

NO ROS